



DASAR KURIKULUM BAHASA SEBELUM MERDEKA

**NORIANI BINTI BAKAR
PPS 2001-00262**



**PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2004





PENGAKUAN

Bahawasanya saya mengaku sesungguhnya projek ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya catatkan sumbernya.



24 April 2004



(NORIANI BINTI BAKAR)
PPS 2001-00262



PENGESAHAN

Penulisan projek sarjana ini diterima dan diluluskan bagi memenuhi syarat memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu.

Tarikh: 24 April 2004


(PROFESOR ABDULLAH B. HASSAN)
Penyelia Projek Sarjana (BMP 6146)

PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya saya dapat menyiapkan projek sarjana ini dengan jayanya.

Ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada penyelia saya, iaitu Professor Abdullah Hassan. Beliau telah memberi bimbingan dan pandangan yang membina dalam menyelia kajian ini. Pertolongan dan dorongan yang diberikan hanya Allah s.w.t. yang dapat membalasnya.

Di samping itu, terima kasih saya ucapkan kepada staf Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, staf Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya, staf Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia, staf Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, staf Pusat Penyelidikan Arkib Negara Malaysia, staf Perpustakaan Negara Malaysia, staf Pusat Dokumentasi Kementerian Pendidikan Malaysia, staf Pusat Perkembangan Kurikulum dan staf Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka kerana memberi bantuan dalam menjalankan penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih juga kepada suami saya Jamaludin Hj. Basuni serta anak-anak Julianayanti, Mohd. Shareel, Nurul Shahira dan Muhd. Arief Afify kerana sentiasa memberi dorongan dalam menyiapkan kajian ini.

Akhirnya, buat teman-teman sekumpulan yang memberi sepenuh kerjasama dalam merealisasikan projek sarjana saya.

Sekali lagi terima kasih kepada semua yang terlibat.

Noriani binti Bakar
PPS 2001-00262
Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu

24 April 2004

DASAR KURIKULUM PENDIDIKAN SEBELUM MERDEKA

ABSTRAK

Kajian ini ialah kajian kualitatif yang menganalisis laporan-laporan dasar bahasa yang ditulis pada zaman sebelum merdeka. Laporan-laporan yang dikaji ialah Laporan Cheeseman (1946), Laporan Barnes (1950), Laporan Fenn-Wu (1951) dan Penyata Razak (1956). Perbandingan dibuat berdasarkan syor-syor dalam Penyata Rahman Talib (1960) yang menjadi asas kepada Ordinan Pelajaran 1952. Kajian ini seterusnya menjelaskan pelaksanaan kurikulum pendidikan di sekolah rendah pada zaman sebelum merdeka yang merangkumi abad ke-14, abad ke-19, zaman pemerintahan Jepun dan zaman pemerintahan British. Kurikulum pendidikan di sekolah rendah diperjelas melalui sistem pendidikan vernikular Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris. Dapatan kajian menunjukkan pendidikan vernikular Melayu selama 6 tahun dan sistem Kelas Melayu Khas di sekolah Inggeris sebelum melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah masih diteruskan sehingga merdeka. Jelasnya, sistem pendidikan sekular yang diperkenal oleh British kekal menjadi asas sehingga terbentuknya Dasar Pendidikan Kebangsaan (1961). Kesimpulannya, kajian ini mengupas implikasi semua laporan yang dikaji ke atas peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa pengantar dan bahasa perpaduan serta peranan kurikulum sebelum merdeka.



EDUCATION CURRICULUM POLICY BEFORE INDEPENDENCE

ABSTRACT

The research is on language education policy of Malaysia before independence. Education reports such as Cheeseman Report (1946), The Barnes Report (1950), the Fenn-Wu Report (1951) and the Razak Report (1956) were analysed. Comparisons were made based on recommendations found in the Rahman Talib Report (1960) which brought to the implementation of the Education Ordinance 1952. The research also covered the implementation of the language curriculum in the primary schools during the 14th and 19th century, during the Japanese occupation and the British rule in Malaya. The implementation of the curriculum in primary school was carried out through the Malay, Chinese, Tamil and English educational system. This indicated that, language curriculum already existed prior to independence. Previous researches indicated that the primary Malay education was carried for six years, children were allowed to switch to Malays Special Class system in English School before going to secondary schools was the practice before independence. Therefore, the secular educational system which was introduced during the English rule was retained and has become the strong foundation to The National Education Policy (1961). In conclusion, the research analyze the implications of all the language policies on Malay as an official language, as a medium of instruction and as a language of unity.





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
1.1	Gambaran Sekolah Melayu (<i>Malay Schools</i>) Oleh L. R. Barnes (1951)	21
1.2	Sistem Pelajaran Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Pada Zaman Pemerintahan British	23
2.1	Pelaksanaan Perancangan Bahasa	50
2.2	Model Perancangan Bahasa	52



KANDUNGAN

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI RAJAH	vii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
a. Bahasa Melayu Dalam Pendidikan Pada Abad ke-14	1-5
b. Bahasa Melayu Dalam Pendidikan Pada Abad ke-19	3-5
c. Pendidikan Sekolah Pondok	5-6
d. Pendidikan Sekolah Sekular	6-8
1.2 Pendidikan Sebelum Merdeka	9-12
a. Sekolah Vernakular Melayu	12-14
b. Sekolah Vernakular Cina	14-16
c. Sekolah Vernakular Tamil	16-18
d. Sekolah Inggeris	18-24
1.3 Penyataan Masalah	24-27
1.4 Objektif Kajian	28
1.5 Kepentingan Kajian	29-31
1.6 Batasan Kajian	31
1.7 Kaedah Kajian	32-33
1.8 Definisi Konsep	33
a. Dasar	33-34
b. Kurikulum	35
c. Bahasa	36
1.9 Kesimpulan	37
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	38
2.1 Pendahuluan	38-39
2.2 Kajian Luar Negara	40-42
2.3 Kajian Dalam Negeri	42-47
2.4 Definisi Perancangan Bahasa	47-49
2.5 Model Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia	49-52
2.6 Kesimpulan	52

BAB 3	METODOLOGI	53
3.1	Pendahuluan	53
3.2	Reka Bentuk Kajian	53-55
	a. Pengumpulan dan Analisis dokumen	54-57
3.3	Kesimpulan	57
BAB 4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	58
4.1	Pendahuluan	58
4.2	Laporan Cheeseman (1946)	58-60
4.3	Laporan Barnes (1950)	60-70
4.4	Laporan Fenn-Wu (1951)	70-74
4.5	Ordinan Pelajaran (1952)	74-79
4.6	Laporan Razak (1956)	79-92
4.7	Laporan Rahman Talib (1960)	93-96
4.8	Dasar Pendidikan Kebangsaan	97-99
4.9	Implikasi Dasar Bahasa Melayu	99-101
	a. Implikasi Pendidikan Melayu Pada Zaman British	102-109
	b. Implikasi Dasar Pendidikan Pada Zaman Jepun	109-111
	c. Implikasi Dasar Pendidikan Kepada Nasionalisme	111-112
BAB 5	RUMUSAN	113-122
5.1	Pendahuluan	113-122
5.2	Kesimpulan	122-125

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Perkembangan pendidikan di Tanah Melayu pada peringkat awalnya adalah dalam bentuk tidak formal dan mempunyai kaitan rapat dengan sejarah perkembangan dan penyebaran Islam di negara ini. Kedatangan pedagang Cina, Arab dan India ke wilayah ini memelopori usaha penyebaran Islam melalui institusi pendidikan pondok dan madrasah. Inilah yang berkembang ke merata jajahan takluk kesultanan Melayu di Melaka, Riau, Brunei, Kedah, Kelantan dan lain-lain.

a. Bahasa Melayu Dalam Pendidikan Pada Abad ke-14

Menjelang abad ke-13, kemasukan agama Islam ke Nusantara memberikan peranan bahasa ilmu dan bahasa falsafah kepada bahasa Melayu. Lanjutan kepada perkembangan itu, ulama-ulama tempatan yang pulang dari menuntut ilmu di Timur Tengah, dan pedagang dari Timur Tengah dan Benua Kecil India yang datang ke sini melakukan kerja mubaligh mereka dengan menggunakan bahasa Melayu





sebagai bahasa lisan dalam menyampaikan ilmu agama Islam dan juga sebagai bahasa penulisan dalam kitab-kitab yang mereka tulis. Istana-istana pada masa itu pula menjadi penaug kepada perkembangan kesusasteraan Melayu.

Pedagang antarabangsa menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan untuk berhubung dengan raja dan rakyat di Indonesia dan Malaya sejak abad ke-16. Pada abad ke-19, bahasa Melayu dan bahasa Indonesia yang berasal daripada bahasa Melayu mula menerima bibit-bibit pemodenan.

Oleh itu, pada waktu orang-orang Eropah datang ke sini, bahasa Melayu sedia kukuh kedudukannya sebagai bahasa komunikasi di Kepulauan Melayu sehingga pedagang-pedagang, mubaligh-mubaligh dan pegawai-pegawai Inggeris menunjukkan minat dan usaha menyusun daftar-daftar kata, kamus-kamus, terjemahan kitab Injil. Ada di antara mereka yang cuba menyusun nahu bahasa Melayu.

Jelaslah, dalam tempoh itu, bahasa Melayu memainkan peranannya, pertama sebagai bahasa perdagangan, kedua sebagai bahasa kesusasteraan dan budaya tinggi, ketiga sebagai bahasa ilmu dan falsafah, dan keempat sebagai bahasa pentadbiran dan diplomatik.



b. Bahasa Melayu Dalam Pendidikan Pada Abad ke-19

Apabila kita mengkhususkan pandangan kepada bahasa Melayu dalam pendidikan moden yang bermula pada penghujung abad ke-19, hal-hal yang berikut dapat kita lihat:

Pertama, bahasa Melayu dalam pendidikan digunakan oleh elit ilmu agama Islam. Golongan rakyat pula menggunakannya dalam pembelajaran agama Islam menerusi bahasa Melayu lisan.

Kedua, bahasa Melayu dalam pendidikan formal berlaku sejak tahun-tahun penghujung abad ke-19 di Malaya, dengan tertubuhnya sekolah-sekolah Melayu dan maktab perguruan Melayu.

Penubuhan sekolah Melayu dibuat dalam tahun 1821 di Gelugor Pulau Pinang. Sekolah Melayu Teluk Belanga di Singapura ditubuhkan dalam tahun 1846. Dalam tahun 1856, sudah ada dua buah sekolah Melayu di Singapura. Di Melaka, terdapat sembilan buah sekolah Melayu yang didirikan antara tahun 1858 dan 1863.

Sebuah maktab bagi melatih guru-guru Melayu untuk Negeri-negeri Selat didirikan pada tahun 1878 dan ditutup pada tahun 1878. Maktab Melayu Melaka ditubuhkan pada tahun 1900.

Ketiga, pendidikan mengenai bahasa Melayu itu sendiri dapat dikatakan bermula pada tempoh yang hampir sama. William Marsden mengarang sebuah buku tatabahasa yang berjudul *A Grammar of the Malayan Language, With An Introduction and Praxis* dan diberi judul Melayu dalam tulisan Jawi sebagai Kitab Ilmu Nahu dan Saraf dari Bahasa Melayu, dalam tahun 1812.

Seterusnya, Raja Ali Haji mengarang nahu bahasa Melayu, *Bustanul Katibin Lissubyanil Muta'alimi* atau terjemahannya dalam bahasa Melayu ialah *Kitab Perkebunan Jurutulis Bagi Kanak-kanak Yang Hendak Menuntut Belajar Akan Dia*, bertarikh 20 Syaaban 1273 (15 April 1857), dan juga sebuah kamus yang diberi nama *Kitab Pengetahuan Bahasa*.

Keempat, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu peringkat selepas pendidikan rendah bermula dengan Maktab Melayu di Teluk Belanga, Singapura yang ditubuhkan pada tahun 1878. Ini diikuti oleh beberapa buah maktab lagi iaitu Maktab Melayu Taiping, Perak dalam tahun 1898. Kemudiannya Maktab Melayu Melaka dalam tahun 1900-1922, Maktab Melayu Matang, Perak dalam tahun 1913-1922, Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak dalam tahun 1922, dan Maktab Melayu Perempuan Melaka dalam tahun 1935.

Kelima, bahasa Melayu juga digunakan sebagai bahasa dalam media massa berikutan dengan penerbitan akhbar-akhbar dalam bahasa Melayu.



Kesimpulannya, pemerintah Inggeris tetap mempertahankan sistem pendidikan vernakular Melayu untuk selama enam tahun persekolahan dan sistem kelas-kelas Melayu khas dijalankan di sekolah-sekolah Inggeris sebelum pelajarannya melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah. Buktinya, pada tahun 1932 terdapat 42 peratus kanak-kanak Melayu tidak belajar bahasa vernakular sebelum lulus peperiksaan *Cambridge Local Examination*, sedangkan 55 peratus dari mereka yang terlebih dahulu belajar bahasa vernakular lulus peperiksaan *School Certificates Examinations*. Satu lagi penemuan yang dibuat ialah 25 peratus kanak-kanak Melayu yang memasuki sekolah Inggeris dari awalnya dapat sampai ke peringkat Sijil Persekolahan Cambridge sedangkan 41 peratus dari kanak-kanak kelas khas Melayu mencapai taraf pelajaran yang disebutkan tadi (Asmah Haji Omar, 1984: 13-14).



c. Pendidikan Sekolah Pondok

Di Terengganu pengajian pondok dipercayai diasaskan pada kurun ke-17 oleh Syeikh Abdul Malek atau Tok Pulau Manis tetapi mula tersebar pada kurun ke-19 apabila tertubuhnya pondok-pondok di Sungai Rengas, di Kampung Tebauk di sekitar Kuala Terengganu dan pada awal abad ke-20, berikutan penubuhan pondok di Bukit Putri, di Alor Keladi dan di Jertih (Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som, 1999: 1).





Sekolah pondok di Pulau Chondong Kelantan ditubuhkan pada tahun 1820 oleh Tuan Hj. Abdul Samad. Sekolah ini mengalami perubahan pesat terutama selepas penglibatan tokoh-tokoh ulama seperti Haji Mohamad Yusof di Kenali dan Tuan Guru Haji Abdullah Tahir di Bunut Payung.

Pada tahun 1870-an wujud sepuluh sekolah pondok di Kedah, iaitu di Yan, Pokok Pisang, Langgar dan Titi Gajah. Pulau Pinang turut menerima kesan serta pengaruh sekolah pondok daripada Patani dan Kedah. Pondok-pondok tersebut termasuklah pondok Tuan Minal di Permatang Pauh, Pondok Hj. Abdullah Fahim di Kepala Batas dan Madrasah Manibiul Ulum di Penanti (Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som, 1999: 2).



Oleh itu, perkembangan pendidikan di Tanah Melayu sebelum merdeka adalah mengikut kumpulan-kumpulan etnik yang berlainan. ‘Sekolah Quran’ atau sekolah agama wujud dalam masyarakat Melayu untuk membolehkan kanak-kanak Melayu di sekolah ini belajar bahasa Arab, membaca dan mengaji al-Quran. Oleh yang demikian, pendidikan agama telah bermula sebelum British datang ke negara ini.

d. Pendidikan Sekolah Sekular

Pendidikan sekular yang diperkenal dianggap bertentangan dengan agama Islam di Pulau Pinang dan Province Wellesley. Setelah pihak British berjanji al-Quran diajar





dalam kawasan sekolah tersebut barulah ibu bapa membenarkan anak-anak mereka menghadiri sekolah tersebut.

Pada peringkat awalnya, usaha pihak British bagi memperkenalkan pendidikan sekular kepada penduduk tempatan telah mendapat tentangan. British telah mengasingkan pelajaran agama daripada mata pelajaran biasa. Di sebelah pagi diadakan pendidikan akademik biasa dan di sebelah petang diajar pendidikan agama. Dengan ini bermulalah sistem pelajaran sekolah Melayu.

Pada akhir tahun 1880-an kebanyakan anak Melayu belajar di sekolah-sekolah Melayu. Mereka diajar Mengeja, Menulis, Mengira dan Ilmu Kesihatan.

Kursus-kursus yang diajar dalam tahun 1894 bertujuan bagi mengajar orang-orang Melayu mempelajari tabiat-tabiati kerajinan mengikut perintah, mematuhi masa, sopan-santun, dan perilaku yang mulia.

Sepanjang abad ke-9 dan awal abad ke-20 Kerajaan British menganggap tidak perlu menyediakan pelajaran dalam bahasa Cina. Dalam tahun 1924, baharulah perhatian diberikan di Negeri-negeri Selat dengan perlantikan seorang Penolong Pelajaran (Inggeris), iaitu A.M. Skinner mengendalikan pelajaran Cina dan pada tahun 1934 di Negeri-negeri Melayu. Setelah itu, mereka telah dibenarkan mendirikan sekolah dengan menggunakan bahasanya sendiri dan mengadakan sistem persekolahannya sendiri.





Pelajaran Tamil bermula dalam tahun 1870-an di sekolah-sekolah Tamil yang didirikan di ladang-ladang yang sebahagian besarnya dibina atas usaha persendirian pengusaha ladang tersebut. Perubahan berlaku dalam tahun 1902 dan tahun 1912 apabila satu Kanun Buruh 1925 dikuatkuasakan dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu hasil konfrensi residen-residen di Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang mewajibkan setiap ladang yang mempunyai 10 orang kanak-kanak yang telah mencapai taraf umur persekolahan, menyediakan sekolah dan guru sendiri. Kursus asas adalah selama 4 tahun. Bantuan kecil perkapita berdasarkan peperiksaan dan kehadiran juga disyorkan (Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som, 1999: 7).



Sekolah Tamil wujud hanya apabila pemilik-pemilik ladang diwajibkan membuka sekolah-sekolah untuk pekerja-pekerjanya. Sebagaimana sekolah Melayu, pelajaran Tamil adalah terhad pada peringkat sekolah rendah sahaja. Kedudukan sekolah-sekolah ini adalah tidak mengalami apa-apa perubahan besar sehingga tahun 1956.

Tegasnya, sejarah sekolah Inggeris membayangkan dasar pelajaran kerajaan secara umum di Pulau Pinang. Sebelum penubuhan sekolah *Penang Free School* pada tahun 1816 tidak ada kemudahan pendidikan untuk masyarakat di Pulau Pinang. Kemudahan pada ketika itu hanya khidmat seorang guru, iaitu Thomas Callum yang mengajar anak-anak orang Eropah serta pegawai-pegawai kerajaan.





1.2 Pendidikan Sebelum Merdeka

Sebelum tahun 1956, taraf bahasa Melayu dalam sistem pendidikan di Malaysia adalah sebagai mata pelajaran dalam kurikulum sekolah dan sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran. Pendidikan untuk orang-orang Melayu sebelum abad ke-19 merupakan pendidikan agama. Kanak-kanak diajar membaca al-Quran dan belajar beberapa peraturan asas tentang agama Islam. Kelas bahasa diadakan tetapi tidak mengajar kanak-kanak itu membaca dan menulis bahasa mereka dengan betul.

Seorang penulis Melayu yang terkenal, Abdullah bin Abdul Kadir Munshi (1790- 1854) ialah munshi bahasa Melayu dan sahabat karib Sir Stamford Raffles yang membuka Singapura mencatatkan dalam ‘Hikayat Abdullah Munshi’, bahawa dalam zamannya tidak ada minat bagi sesiapa pun untuk belajar menulis bahasa Melayu. Abdullah sendiri belajar menulis bahasa itu sesudah mengalami pendidikan agama (Hikayat Abdullah Munshi).

Dasar pemikiran dan sikap acuh tidak acuh terhadap pembelajaran bahasa Melayu menjadikan keperluan tidak wujud untuk belajar bahasa di kalangan orang-orang Melayu khususnya di Melaka. Ini kerana bahasa itu bahasa sendiri dan tidak ada tradisi sejak zaman dahulu mendirikan tempat bagi mengajar bahasa Melayu. Sebaliknya, mereka mempelajari bahasa Arab kerana bahasa al-Quran dianggap lebih penting.





Catatan Abdullah berkenaan hal itu diungkapkan seperti berikut:

“...pada fikiran orang-orang Melayu, tiada patut dipelajari akan bahasa itu sebab iaitu bahasa sendiri. Dan lagi pula daripada zaman nenek moyang, tiada pernah pula belajar Bahasa Melayu melainkan mengaji Quran sahaja. Dan patut dibelajarkan Bahasa Arab, kerana iaitu berguna kepada agama dan lagi dalam akhirat dan lagi bahasa itu sahaja yang terlebih mulia di antara orang-orang...” (Hikayat Abdullah Munsyi).

Oleh itu, wujud empat aliran persekolahan di Tanah Melayu pada zaman pemerintahan British. Keadaan ini wujud sesuai dengan dasar British ‘Pecah dan Perintah’ yang bertujuan memecahkan perpaduan kaum dan juga bagi menebalkan semangat kedaerahan di kalangan rakyat. Pegawai-pegawai Inggeris juga berpendapat pendidikan untuk kaum Melayu khususnya tidak dibenarkan kerana British bimbang penyediaan pendidikan kepada mereka menimbulkan kesedaran bagi menentang British. Namun begitu atas desakan sultan dan para pembesar Melayu, pihak Inggeris akhirnya bersetuju menyediakan pendidikan untuk orang Melayu, itu pun sekadar pendidikan rendah sahaja.

Dengan itu dalam abad ke-19, di samping adanya sekolah-sekolah Melayu, ada juga sekolah-sekolah Inggeris di Pulau Pinang dan Melaka yang mengajar bahasa Melayu kepada murid-murid Melayu. Sekolah-sekolah ini adalah sekolah-sekolah mubaligh Kristian yang wujud dengan bantuan dari Lembaga Mubaligh Kristian di London (*London Missionary Society*). Di antara mubaligh yang memberi perhatian kepada pendidikan bahasa Melayu ialah Reverend Brighton di Pulau Pinang, yang bertanggungjawab ke atas pengawasan Sekolah Melayu di Negeri-negeri Selat di Pulau Pinang dari tahun 1816 hingga akhir hayatnya, iaitu tidak lama





sebelum Lembaga Mubaligh London mengundurkan mubaligh-mubalighnya pada tahun 1847 (Asmah Haji Omar, 1984: 9).

Dalam zaman pemerintahan Jepun tahun 1943 hingga 1945, bahasa Jepun dimasukkan dalam kurikulum semua sekolah Melayu. Satu perkembangan yang menarik berlaku di sekolah-sekolah Cina dan Tamil dan perkembangan ini merupakan kemasukan bahasa Melayu (rumi) di samping bahasa Jepun dalam kurikulum.

H.R.Cheeseman, Pengarah Pelajaran Negeri-negeri Melayu Bersekutu, mencatatkan tentang keadaan sekolah Melayu di Semenanjung dalam zaman pendudukan Jepun sebagai berikut:



“Keadaan di sekolah-sekolah Melayu di negeri-negeri pantai barat dan Johor, tidaklah begitu tenang seperti di Kelantan atau Kedah. Tujuan am Jepun kelihatannya membuka sekolah-sekolah Melayu kepada murid dan juga guru-guru dari semua bangsa dan menjadikan bahasa Jepun bahasa pengantar persekolahan (H.R. Cheeseman, 1946: 15).

Sesudah pemerintahan Jepun, British memasuki Tanah Melayu yang dikenali sebagai zaman Malayan Union atau Zaman Negeri-negeri Melayu Bersekutu (1946- 1948). Oleh kerana zaman ini adalah zaman sesudah Perang Dunia Kedua, pemerintah Negeri-negeri Melayu Bersekutu berusaha bagi memulihkan sekolah-sekolah kepada keadaannya sebelum perang. Ini adalah matlamat jangka pendek. Matlamat jangka panjang dasar pelajaran di Negeri-negeri Melayu Bersekutu adalah bagi membina semula sistem dan memastikan





perkembangan pelajaran yang sepenuhnya untuk setiap masyarakat. Pemerintah berpegang kepada dasar bagi memberi pelajaran rendah secara percuma melalui bahasa ibunda dalam bahasa Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris. Di samping itu, bahasa Inggeris diajar di semua sekolah sebagai satu mata pelajaran dalam kurikulum sekolah.

Pada keseluruhan, zaman (1948-1955) memperlihatkan perubahan dalam pelajaran vernakular Melayu dibandingkan dengan zaman Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Sepanjang jangka masa itu minat dalam pelajaran di kalangan orang-orang Melayu sama ada kanak-kanak lelaki atau kanak-kanak perempuan makin bertambah. Pertambahan jumlah kanak-kanak perempuan di sekolah-sekolah lelaki juga merupakan satu ciri penting dalam sistem pelajaran vernakular Melayu dalam zaman Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Kemasukan kanak-kanak perempuan ke sekolah-sekolah lelaki di Tanah Melayu pertama kalinya dimulakan di negeri Kedah pada zaman pendudukan Jepun.

a. Sekolah Vernakular Melayu

Sejarah penubuhan sekolah Melayu bermula pada tahun 1821 di Gelugur, Pulau Pinang. Walaupun sekolah tersebut mendapat sambutan tetapi menghadapi masalah kekurangan guru. Pada tahun 1856 dua buah sekolah Melayu dibuka di Singapura iaitu di Teluk Sebuah lagi sekolah Melayu didirikan di Bayan Lepas, Pulau Pinang pada tahun 1875. Sebuah sekolah Melayu turut dibina di Klang, akibat campur





tangan British di negeri-negeri Melayu. Pada tahun 1877, sekolah Melayu dibuka di Sayong Perak. Di Kedah, sekolah Melayu pertama didirikan pada tahun 1897. Di Kelantan, sekolah Melayu pertama dibuka di Padang Garong pada tahun 1903, diikuti Perlis dengan penubuhan lima buah sekolah dan Terengganu pada tahun 1915 dengan pembukaan Sekolah Melayu Kampung Keling. Di Melaka, terdapat sembilan buah sekolah Melayu yang dibuka di antara tahun 1858 dan 1863 (Abu Zahari Abu Bakar, 1984: 11-17).

Dari segi kurikulumnya, sekolah vernakular Melayu menekankan pelajaran Bacaan, Mengarang, Ejaan, Menulis, Ilmu Hisab, Latihan Jasmani dan Ilmu Alam. Ilmu Perkebunan dan Ternakan juga diajar.



Secara keseluruhan, objektif utama pihak British mendirikan sekolah Melayu adalah bagi membolehkan anak-anak Melayu pandai mengira dan membaca sahaja. Ini merupakan peringkat asas sahaja agar orang Melayu menjadi petani yang lebih pandai.

Reaksi orang Melayu terhadap sekolah-sekolah Melayu ini pada peringkat awal tidak menggalakkan. Beberapa langkah dibuat oleh A. M. Skinner, seorang Timbalan Majistret di Province Wellesley yang juga menjadi Nazir Sekolah-sekolah pada tahun 1872 bagi menanam keyakinan orang Melayu, iaitu:

- a. Mengajar pelajaran Bahasa Melayu dalam tulisan jawi pada sesi pagi.
- b. Mengajar pelajaran Bahasa Arab dan al-Quran di sebelah petang.





Di samping itu, pihak British juga mengambil langkah-langkah berikut:

- a. Memberi arahan secara paksa supaya anak-anak Melayu ke sekolah berdekatan.
- b. Mewujudkan jawatan Guru Pelawat Melayu untuk kepentingan kemajuan sekolah Melayu.
- c. Mengenakan denda kepada ibu bapa yang tidak menghantar anak ke sekolah.
- d. Mendapat bantuan ketua-ketua masyarakat.
- e. Memberi hadiah kepada murid yang rajin datang ke sekolah.

Dapat dilihat bahawa penubuhan sekolah-sekolah Melayu yang ditubuhkan oleh pihak British sebenarnya tidak mempunyai matlamat yang memberi keuntungan kepada orang Melayu. Penubuhannya adalah bagi memenuhi keperluan politik British di samping mengambil hati pembesar Melayu. Lulusan sekolah Melayu bagi memenuhi keperluan tenaga manusia yang paling rendah. Di samping itu, pemilihan bahan-bahan kurikulum yang tidak penting terutamanya buku-buku dongeng yang meleakakan orang Melayu sendiri.

b. Sekolah Vernakular Cina

Sekolah-sekolah Cina mula ditubuhkan di Negeri-negeri Selat pada tahun 1815. Sekolah Cina yang pertama didirikan di Melaka oleh Persatuan Mubaligh London. Pada tahun 1819, tiga buah sekolah Cina dibuka di Singapura. Usaha-usaha





masyarakat Cina bagi menubuhkan sekolah-sekolah ini kebanyakannya menumpang di rumah-rumah ketua masyarakat Cina, bangunan tokong ataupun di rumah perniagaan.

Kurikulum di sekolah-sekolah tersebut terdiri daripada Bahasa, Ilmu Hisab, Lukisan, Nyanyian, Latihan Jasmani, Sejarah, Ilmu Alam dan juga Moral. Bahasa pengantar yang digunakan ialah dialek tempatan. Kurikulum sekolah-sekolah tersebut terikat dengan pendidikan dari Tanah Besar China. Buku-buku teks dan guru-guru didatangkan dari negara China.

Pada tahun 1919 berlaku reformasi kebudayaan yang dikenal dengan nama Pergerakan 4 Mei. Reformasi tersebut memberi pengaruh kepada pentadbiran sekolah-sekolah vernakular Cina di Tanah Melayu pada ketika itu. Ekoran daripada itu sebuah kurikulum yang lebih sistematik di sekolah vernakular Cina di Tanah Melayu telah disediakan. Dalam kurikulum tersebut, murid-murid diajar mata pelajaran Etika, Lukisan, Geografi, Sejarah, Sains, Matematik, Nyanyian dan Pendidikan Jasmani. Tahap persekolahan pula dibahagikan kepada tiga, iaitu: sekolah rendah (selama 6 tahun), Kelas Rendah Bawah (*Junior Middle*) selama 3 tahun dan Kelas Rendah Atas (*Senior Middle*) selama 3 tahun. Di samping itu, bahasa pengantar beberapa dialek tempatan seperti Kungfu, Teochew dan Hokkien diubah ke bahasa Mandarin.





Perubahan-perubahan tersebut menyebabkan pihak Inggeris berasa bimbang, sekolah-sekolah Cina menjadi saluran penyebaran propoganda anti kerajaan Inggeris.. Bagi membendung masalah tersebut British meluluskan Enakmen Pendaftaran sekolah pada tahun 1920. Tujuan enakmen tersebut ialah bagi memberi kuasa undang-undang kepada Jabatan Pelajaran menutup sekolah-sekolah Cina yang tidak menurut syarat-syarat yang ditetapkan dari segi kurikulum, pengurusan dan peraturan kesihatan.

Dengan demikian, bermula pada tahun 1924 pihak British memberikan bantuan kewangan kepada sebahagian daripada sekolah-sekolah Cina di Tanah Melayu. Menjelang 1938, terdapat 305 buah sekolah Cina bantuan penuh, 18 buah dikendalikan oleh mubaligh dan 331 buah di bawah pengendalian pertubuhan-pertubuhan swasta Cina. Perkembangan pada dekad tersebut memperlihatkan bahawa sekolah-sekolah Cina dapat meneruskan pendidikan sehingga menengah atas.

c. Sekolah Vernakular Tamil

Faktor pertumbuhan pesat sekolah-sekolah Tamil pada tahun 1816 adalah didorong oleh pembukaan ladang-ladang kopi, kelapa dan getah oleh pihak Inggeris. Hal ini membolehkan orang India menghantar anak-anak mereka ke sekolah tersebut. Kehadiran buruh-buruh India membantu perkembangan perdagangan British.





Pada tahun 1850, Sekolah Anglo Tamil (*Anglo-Tamil Chiristian Missionary*) didirikan di Melaka, tetapi ditutup pada tahun 1860. Bagaimanapun, sekolah Tamil mula didirikan di Seberang Perai, Perak, Selangor, dan juga Singapura atas usaha kumpulan mubaligh Kristian ataupun kerjasama daripada majikan tempat mereka bekerja. Sekolah Tamil yang ulung diketahui ialah Sekolah St. Francis Xavier Malabar, yang didirikan di Singapura pada tahun 1895 oleh kumpulan mubaligh Kristian dengan bantuan kerajaan (Abu Zahari Abu Bakar, 1984: 27).

Seperti mana sekolah vernakular Melayu, sekolah-sekolah vernakular Tamil juga terhad pada peringkat rendah sahaja. Sekolah-sekolah vernakular Tamil mengimport buku-buku dan guru-guru dari India atau Ceylon. Bahasa yang digunakan sebagai bahasa pengantar ialah Tamil, Gujarati, Hindi dan Malayalam. Terdapat beberapa jenis sekolah vernakular Tamil pada ketika itu, iaitu sekolah yang mendapat bantuan kerajaan, sekolah di bawah pengurusan pihak majikan masyarakat India dan sekolah yang diuruskan oleh Persatuan Mubaligh Kristian.

Seterusnya Kod Buruh 1925 dikuatkuasakan hasil daripada konfrantasi residen-residen di negeri-negeri Melayu Bersekutu, iaitu dengan mewajibkan setiap ladang yang terdapat kanak-kanak lebih daripada 10 orang dalam lingkungan umur persekolahan 7 tahun hingga 14 tahun menyediakan sekolah dan guru (Abu Zahari Abu Bakar, 1984: 29).





Tegasnya, hingga penghujung tahun 1930-an, iaitu semasa harga getah meningkat sesudah kemerosotan ekonomi dunia, barulah kerajaan dan majikan ladang-ladang getah memberikan perhatian bagi memperbaiki sekolah Tamil. Pada tahun 1936, kursus-kursus dalam perkhidmatan dimulakan dengan melatih guru-guru sekolah Tamil. Pada tahun 1938, jawatan Nazir Sekolah Tamil berbangsa Eropah diwujudkan semula dan peruntukan bagi pendidikan Tamil ditambah. Malangnya, perubahan ini hanya sementara sahaja kerana selepas itu Negeri-negeri Bersekutu terlibat dalam Perang Dunia Kedua.

d. Sekolah Inggeris

Penubuhan sekolah Inggeris adalah lebih awal daripada penubuhan sekolah vernakular yang lain. Pihak pendakwah Kristian telah memainkan peranan besar dalam memajukan persekolahan Inggeris di Tanah Melayu. Sekolah Inggeris yang terawal ditubuhkan pada tahun 1548, iaitu sekolah Roman Katolik di Melaka. Kemudian sekolah Inggeris di Singapura pada tahun 1815 dan di Pulau Pinang pada tahun 1816.

Pada zaman pemerintahan Inggeris terdapat tiga jenis sekolah Inggeris, iaitu Sekolah Inggeris yang ditubuhkan oleh Persatuan Pendakwah Kristian, Sekolah Inggeris persendirian dan Sekolah Inggeris Kerajaan. Kebiasaannya, sekolah-sekolah tersebut mempunyai kemudahan yang baik jika dibandingkan dengan





sekolah-sekolah vernakular yang lain disebabkan sokongan kewangan yang kukuh terutama dari pihak gereja dan bantuan pemerintah.

Matlamat penubuhan sekolah Inggeris boleh dirujuk kepada konsep penubuhan *Penang Free School* pada 6 Februari 1816 oleh Rev. R.S. Hutchings seorang Ketua Paderi Negeri-negeri Selat, iaitu:

- a. Menyediakan pendidikan untuk semua kanak-kanak.
- b. Menyediakan kemudahan pendidikan kepada kanak-kanak yang tidak mendapat pelajaran bagi mengelakkan pengangguran dan kenakalan.
- c. Membayar yuran dengan kadar yang berpatutan.
- d. Mengajar menulis dalam bahasa Inggeris dan mempelajari kira-kira.
- e. Mengajar tentang pekerjaan seperti pertukangan, menjahit dan lain-lain.
- f. Mengajar membaca dan menulis bahasa Melayu untuk kanak-kanak Melayu.

Pada waktu yang sama kerajaan British mendirikan sekolah Inggeris yang terbuka kepada semua kaum. *Penang Free School* ditubuhkan pada 1816 sebagai sebuah sekolah mubaligh Kristian yang pertama dan membuka era baru dalam proses pengembangan pendidikan Inggeris di Tanah Melayu. *Melaka Free School* (1826), *Raffles Institution* (1863), *Victoria Institution* Kuala Lumpur (1894). *Malay College* Kuala Kangsar (1905) dan *King Edward VII* Taiping (1906) dan sekolah Inggeris separa bantuan (*Grant-in-Aid English*). Akibatnya sekolah vernakular Melayu diabaikan perkembangannya (Negara Kita, 1990: 148).






Kurikulum di sekolah-sekolah Inggeris menitikberatkan pelajaran akademik dan persediaan untuk peperiksaan *Cambridge Overseas School Certificate*. Mata pelajaran yang dipelajari ialah Sains, Ilmu Alam, Pendidikan Jasmani, Lukisan, Bahasa Inggeris, Sejarah Eropah, Matematik dan Sastera Inggeris. Selepas tahun 1900, sekolah-sekolah Inggeris ini semakin menarik minat masyarakat seluruh negara. Sekolah Inggeris yang pertama di Selangor ialah *Victoria Institution* yang ditubuhkan pada tahun 1893, *Methodist Boy's School* pada tahun 1897 dan *St John Institution* pada tahun 1893 (Abu Zahari Abu Bakar, 1984: 30-35).

Pendidikan Inggeris untuk golongan bangsawan Melayu telah diusahakan oleh pihak Inggeris dengan penubuhan Maktab Melayu Kuala Kangsar pada tahun 1905, berkonsepkan kurikulum pendidikan Inggeris bercorak *Grammar School* di England. Walau bagaimanapun sebahagian besar anak-anak Melayu yang mempunyai cita-cita tinggi tidaklah bernasib baik bagi memasuki sekolah Inggeris seumpama itu, sehinggalah pada tahun 1930-an pihak British telah memperkenalkan Kelas Melayu Khas (*Special Malay Class*).

R.O. Winstedt seorang Penolong Pengarah Pelajaran dari Perkhidmatan Awam (*Civil Service*) yang bertanggungjawab tentang Pelajaran Melayu di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1916 dan oleh L. J. Barnes 1951 melihat Sekolah Melayu adalah seperti berikut:





Rajah 1.1: Gambaran Sekolah Melayu oleh

L.R. Barnes

Sumber: L.R.Barnes (1951)

Berdasarkan rajah di atas, ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah Melayu supaya menyambung pelajaran hingga ke sekolah menengah. Namun pada masa itu, peluang belajar ke sekolah menengah untuk murid-murid sekolah Melayu bergantung kepada kemampuan murid itu menguasai bahasa Inggeris sebagai bahasa utama pengajaran atau pilihan lain memasuki sekolah-sekolah agama persendirian. Murid-murid yang sedang belajar dalam Darjah IV terpaksa melalui satu pemilihan khas sebelum menyambung pelajaran ke sekolah menengah Inggeris. Mereka yang terpilih belajar melalui peringkat Kelas Melayu




Khas (*Special Malay Class*), iaitu kelas persediaan selama dua tahun sebelum meneruskan Darjah IV di sekolah rendah Inggeris. Kemudahan ini membuka peluang kepada segelintir anak-anak Melayu sahaja kerana kebanyakan mereka masuk sekolah Melayu sesudah berumur tujuh atau lapan tahun dan apabila mereka memasuki sekolah Inggeris, mereka melebihi sekatan umur yang ditetapkan (General Circular, Memorandum No.5, 25/11/1957).

Melihat kepada latar belakang pendidikan zaman penjajahan Inggeris disimpulkan bahawa pemerintahan British tidak ada minat bagi membangunkan rakyat melalui pendidikan. Persefahaman dan perpaduan tidak dianggap penting menerusi pendidikan. Oleh itu, Inggeris mengabaikan soal penggunaan satu bahasa pengantar, kurikulum yang sama, pentadbiran yang terancang dan penubuhan satu sistem sekolah yang unggul, iaitu mendidik dan menyatukan anak-anak dari semua bangsa.

Kedudukan sistem pelajaran yang wujud pada masa pemerintahan British dapat dilihat berdasarkan rajah berikut:



SISTEM PENDIDIKAN PADA ZAMAN BRITISH



Rajah 1.2: Sistem Pelajaran Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Pada Zaman Pemerintahan British

Sumber: NEGARA KITA: Sejarah, Pentadbiran dan Dasar-dasar Pembangunan, (1990: 150)

Demikianlah sejarah perkembangan pendidikan dan struktur empat sistem persekolahan yang berbeza di Tanah Melayu. Sistem pendidikan Melayu yang dibentuk dan dikembangkan oleh Inggeris terbatas di peringkat asas sahaja.



Pendidikan sekolah Melayu sengaja disalurkan mengikut dasar mengekalkan kaum tani, sehingga kurikulum sekolah Melayu tidak berkembang. Keadaan ini membentuk keadaan sosial yang tidak seimbang di Malaysia apabila negara ini mencapai kemerdekaan.

1.3 Penyataan Masalah

Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya pada 31 Ogos 1957 terdapat pelbagai masalah yang ditinggalkan oleh penjajah British. Antara yang terpenting ialah masalah pendidikan dan perpaduan. Dasar penjajah British yang membawa masuk buruh-buruh asing terutama dari negara China dan India untuk tujuan ekonomi mengubah struktur penduduk negara ini hingga menimbulkan



masalah apabila negara mencapai kemerdekaan.

Walaupun kedatangan penduduk Cina dan India ke negara ini berlaku sebelum kedatangan British, tetapi perkembangan yang mendadak berlaku selepas bermulanya pentadbiran British pada tahun 1824. Dasar pemerintahan Inggeris sengaja membawa masuk buruh asing dengan ramainya. H. R. Cheeseman (1946: 146) dalam laporannya menjadi salah satu pusat migrasi yang terbesar di dunia dan menimbulkan beberapa masalah pendidikan. Dengan itu pendidikan di Tanah Melayu betul-betul menjadi berbilang kaum sejak sekian lama.





Namun di bawah pemerintahan British ketiga-tiga kaum yang menduduki Tanah Melayu hidup secara terpisah dari segi geografi, ekonomi dan sosialnya. Oleh yang demikian, tugas utama kerajaan semasa mencapai kemerdekaan ialah bagi menyatukan penduduk berbilang kaum dalam usaha membina imej negara baharu.

Selepas kerajaan British mula berkuasa di Malaya, maka empat buah sistem pendidikan tertubuh dan berkembang. Setiap satu sistem menggunakan bahasa pengantarnya masing-masing, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil. Hal inilah yang menyebabkan pergelutan berterusan dalam usaha menubuhkan sebuah dasar kebangsaan dengan mengambil kira keperluan dan ciri-ciri kepelbagaian penduduknya.



Dengan ini, Persekutuan Tanah Melayu bukan sahaja terpaksa menumpang keperluan bagi menyediakan pendidikan asas yang diperlukan untuk pembangunan tetapi juga memenuhi keperluan yang pelbagai dan bertentangan dengan pendapat penduduk yang berbilang kaum. Oleh itu, bahasa menjadi isu yang meruncing dan sentiasa diperdebatkan dalam merangka dasar pendidikan negara.

Lantaran itu, keadaan ini menyebabkan kerajaan menubuhkan suatu Jawatankuasa Khas bagi mencari jalan melaksanakan Ordinan Pelajaran 1952 selepas mengambil kira keadaan kewangan negara. Syor-syor Jawatankuasa Khas ini menjadi teras kepada Kertas Dasar Pendidikan yang diluluskan pada tahun 1954.



Kertas ini mengandungi kenyataan bahawa ahli-ahli Jawatankuasa itu dengan sebulat suara membuat peneguhan mengenai keyakinan mereka terhadap tiga prinsip. Pertama, sekolah-sekolah berbilang kaum perlu mendidik bakal warganegara Malaya yang bersepadu. Kedua, terdapat dua bahasa rasmi, Melayu dan Inggeris dan kedua-dua mesti diajar. Ketiga, mesti diadakan hanya satu sistem pendidikan yang sama di semua sekolah (J.S. Solomon, 1989: 42-43).

Matlamat asas perkembangan pendidikan di sekolah-sekolah adalah bagi memenuhi tiga keperluan utama, iaitu memupuk perpaduan, menyediakan tenaga manusia untuk sektor pekerjaan dan menggalakkan perkembangan individu. Matlamat ini dinyatakan dengan jelas dalam Penyata Razak, Perenggan 12:

“...pendidikan di Malaysia dalam tugasnya sebagai agen pemasyarakatan dibebankan dengan fungsi mengsosialisasikan kanak-kanak ke arah sebuah negara Malaysia yang bersatu padu dan maju.”

Walau bagaimanapun, menurut kajian yang dibuat, sistem pendidikan negara kita masih dan mempunyai kelemahan:

“Sesungguhnya orientasi perkembangan sekolah-sekolah hari ini adalah ke arah memupuk meneguh, memantapkan dan mendewasakan satu sistem pendidikan kebangsaan, tetapi sayangnya perubahan-perubahan dasar seperti yang disebutkan di atas tidaklah bererti bahawa negara kita hari ini betul-betul telah mempunyai pendidikan kebangsaan yang dapat menjamin pengeluaran warganegara yang meresapi dan menghayati dengan sepenuhnya elemen-elemen kebudayaan dan ideologi kebangsaan. Kritik telah dilemparkan terhadap standard pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di sekolah kita hari ini, terhadap pendidikan yang terlalu *content centered* dan mengajar keperluan peperiksaan lebih daripada keperluan perkembangan masyarakat yang berbilang kaum.” (Robiah Sidin, 1982: 9).

Sehubungan itu, kajian ini memperlihatkan masalah-masalah dan pencapaian yang terdapat dalam dasar pendidikan bahasa. Perhatian ditumpukan kepada perkembangan pembentukan dasar pendidikan bahasa (1946-1957). Dalam jangka masa 11 tahun itu, terdapat empat suruhanjaya pendidikan ditubuhkan dan masing-masing mengemukakan laporannya, iaitu Laporan Cheeseman (1946), Laporan Barnes (1950), Laporan Fenn-Wu (1951), dan Penyata Razak (1956). Dokumen ini dihuraikan dalam bentuk laporan dan dilihat daripada aspek persejarahan, politik dan juga perpaduan yang menjurus ke arah pembentukan dasar pelajaran kebangsaan.

Pendidikan merupakan faktor unggul dalam membina sebuah negara yang aman dan dinamik. Hal ini turut diinsafi berdasarkan pernyataan:

"It is accepted that education is not the only means available in the task of achieving national unity and solidarity in the plural community of Malaya, but it remains the most important single factor for integration in the racial, religious and cultural complex of Malaya."

(L.R. Barnes, 1950)

Oleh itu, pendidikan dan politik mempunyai kaitan yang begitu rapat hingga sukar dipisahkan. Fenomena ini dikaitkan dengan sifat masyarakat Malaysia itu sendiri yang melihat implikasi sesuatu keadaan berdasarkan kepentingan politik. Justeru, kejayaan Dasar Pendidikan Kebangsaan ini tidak bergantung semata-mata kepada Kementerian Pendidikan dan kerajaan bahkan juga kepada semangat, sikap, kesedaran dan keyakinan yang tulus ikhlas dan taat setia yang sepenuhnya dari setiap anggota masyarakat di negara ini.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini ialah:

1. Menjelaskan bentuk kurikulum pendidikan rendah di sekolah-sekolah sebelum merdeka;
2. Menghuraikan secara terperinci semua laporan yang berkaitan dengan dasar pendidikan bahasa sebelum merdeka, iaitu Laporan Cheeseman (1946), Laporan Barnes (1950), Laporan Fenn-Wu (1951) Ordinan Pelajaran 1952, Penyata Razak (1956) dan Penyata Rahman Talib (1960);
3. Menerangkan kedudukan bahasa Melayu sebelum merdeka sebagai bahasa pengantar utama, bahasa perpaduan dan bahasa perantaraan; dan
4. Menjelaskan implikasi peranan bahasa Melayu dalam dasar pendidikan bahasa sebelum merdeka.

Kesimpulan, kajian ini tidak terhad pada membentuk dasar dan melaksanakan pendidikan sahaja tetapi juga mengambil kira latar belakang sejarah negara, penjajahan dan kemunculan masyarakat majmuk sehingga timbulnya politik pola berbilang kaum selepas perang dunia kedua dan masalah-masalah yang berkaitan dengan dasar pendidikan negara.



1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini ialah hakikat bahawa bahasa Melayu adalah bahasa penutur Melayu yang dapat diterima oleh bangsa lain. Hal ini kerana bahasa Melayu mempunyai ciri-ciri yang istimewa sehingga pada suatu ketika berjaya menjadi bahasa perantaraan. Bahasa Melayu juga telah diterima sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara disebabkan oleh sistem dan fungsi serta kemampuannya. Justeru, bahasa Melayu digunakan oleh semua golongan masyarakat.

Oleh yang demikian, bagi memantapkan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar yang utama berikut adalah kepentingan kajian yang dapat dimanfaatkan oleh beberapa pihak:

1. Pakar-pakar perancang bahasa seharusnya menjadikan dasar bahasa sebagai aset bagi menyatupadukan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kumpulan linguistik dalam membentuk ideologi dan membina aspirasi negara yang jitu. Taraf bahasa harus digubal secara menyeluruh dan diharap mempertingkatkan taraf pendidikan di Malaysia.
2. Di samping itu juga, dasar bahasa dijadikan faktor utama dalam meletakkan asas yang teguh kepada pembangunan dan hala tuju negara. Selain itu, dasar bahasa meningkatkan taraf sosioekonomi negara dan sentiasa membuka minda rakyat supaya mampu bersaing



bagi merealisasikan Wawasan 2020 melalui dasar pendidikan negara.

3. Pihak Pusat Perkembangan Kurikulum juga harus berpegang kepada Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) dalam merangka kurikulum pendidikan bagi melahirkan insan yang seimbang dari segi (JERI), iaitu rohani, jasmani, emosi dan intelek. Hal ini kerana perkembangan kurikulum berkait rapat dengan rancangan-rancangan pembangunan negara. Oleh itu, pakar-pakar bahasa atau penggubal dasar bahasa harus berpegang kepada aspek-aspek lain seperti sosiologi, psikologi, psikolinguistik, pedagogi, politik dan perlembagaan negara dalam menggubal dan memperkenalkan model pengajaran dan pembelajaran yang baharu di sekolah.

4. Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka juga memainkan peranan yang penting dalam menyusun dan menyeragamkan bahasa, iaitu penyeragaman dalam sistem ejaan, aspek tatabahasa dan peristilahan. Penghasilan buku-buku teks dan akademik untuk kegunaan sekolah, maktab dan universiti juga mesti selaras dengan dasar perancangan bahasa.

Tegasnya, bagi sesuatu dasar yang hendak dilaksanakan dengan berkesan, ia memerlukan objektif dan matlamat yang jelas, dan yang penting sekali ialah keazaman yang kuat bagi melaksanakan sesuatu pembaharuan dalam dasar pendidikan negara agar selaras dengan dasar pembangunan negara. Justeru,

komitmen dan keyakinan yang jitu di kalangan semua pihak yang terlibat dalam membentuk dan melaksanakan dasar bahasa tersebut sangat diperlukan.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini meliputi dasar bahasa sebelum merdeka dan difokuskan kepada perkembangan kurikulum pendidikan di sekolah rendah dan sekolah menengah dalam:

1. Laporan Cheeseman (1946);
2. Laporan Barnes (1950);
3. Laporan Fenn-Wu (1951);
4. Ordinan Pelajaran (1952);
5. Penyata Razak (1956) dan
6. Penyata Rahman Talib.

Secara keseluruhannya, Dasar Pelajaran Kebangsaan mempunyai objektif menjadikan pendidikan sebagai instrumen bagi mencapai perubahan masyarakat berdasarkan dokumen-dokumen kerajaan seperti akta, laporan dan rancangan lima tahun. Oleh itu, dasar pelajaran mempunyai dua matlamat iaitu:

1. Menyatupadukan rakyat berbilang kaum dan
2. Meninggikan taraf hidup rakyat dengan memberi peluang bagi mendapat pelajaran yang lebih luas kepada segala lapisan masyarakat bagi menyamaratakan ekonomi antara semua kaum.



1.7 Kaedah Kajian

Kertas projek ini dijalankan dengan menggunakan kaedah perpustakaan dengan membuat rujukan berdasarkan dokumen-dokumen berikut:

1. Laporan Cheeseman (1946);
2. Laporan Barnes (1950);
3. Laporan Fenn-Wu (1951);
4. Ordinan Pelajaran (1952);
5. Penyata Razak (1956) dan
6. Penyata Rahman Talib (1960).

Kaedah kedua, membuat rujukan dan penyelidikan yang tertumpu di:



1. Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris;
2. Perpustakaan Universiti Malaya (Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Peringatan Za'ba);
3. Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia;
4. Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia;
5. Pusat Dokumentasi Kementerian Pendidikan Malaysia;
6. Perpustakaan Negara Malaysia;
7. Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka; dan
8. Pusat Penyelidikan Arkib Negara Malaysia.



Kaedah ketiga berdasarkan catatan memori yang ditulis oleh Omar bin Mohd. Hashim bagi mendapatkan gambaran sebenar tentang sistem pendidikan yang dijalankan sebelum merdeka dengan menggunakan buku ‘Pendidikan: Persoalan, Penyelesaian dan Harapan’ terbitan tahun 1991. Pengkaji memilih tokoh ini kerana catatan memori dalam buku tersebut menggambarkan keadaan sebenar yang dilaluinya semasa zaman pemerintahan Jepun dan zaman pemerintahan Inggeris.

1.8 Definisi Konsep

a. Dasar

Sejarah perkembangan kurikulum di negara ini memperlihatkan satu garis panduan mengenai dasar kurikulum seperti yang tercatat dalam Penyata Razak (1956) dan beberapa pengubahsuaian dari semasa ke semasa. Aktiviti perkembangan kurikulum mencerminkan penegasan daripada pemerintah dalam Rancangan Pembangunan Negara untuk setiap lima tahun seperti bahasa sebagai alat perpaduan, dalam sains dan teknologi, peningkatan mutu perkhidmatan pelajaran dan sebagainya.

Menurut The New Webster Encyclopedia Dictionary of The English Language dasar ialah *the principles on which any measure or course of action is based* atau dengan kata lain prinsip-prinsip yang berdasarkan sesuatu langkah atau tindakan dilakukan. Ini bermakna daripada dasar maka pelaksanaan dilakukan.

Sebuah dokumen UNESCO, *Learning To Be* (1972: 170): menyarankan: *"Any education policy reflects a country's political option, its tradition and values and its conceptions of its future."* Dengan kata lain tiap-tiap dasar pelajaran mencerminkan negara itu dari segi pilihan politiknya, tradisi dan nilai-nilai, dan tanggapan tentang masa depannya.

Sistem pelajaran British, iaitu sistem sebelum pelaksanaan Laporan Jawatankuasa Pelajaran 1956 yang lebih dikenal sebagai Penyata Razak adalah bersifat pemisah. Dasar Pelajaran yang dianuti oleh British memasukkan kumpulan etnik yang berbeza satu sama lain ke dalam kotak-kotak yang berasingan sehingga lahir empat sistem pelajaran iaitu:

1. Sistem pelajaran Melayu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai pengantar;
2. Sistem pelajaran India yang menggunakan bahasa Tamil sebagai pengantar;
3. Sistem pelajaran Cina yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai pengantar; dan
4. Sistem pelajaran Inggeris yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.



b. Kurikulum

Kurikulum merupakan rancangan pendidikan yang membendung segala ilmu pengetahuan, serta kemahiran, nilai-nilai dan norma, unsur-unsur kebudayaan dan kepercayaan yang menjadi pilihan masyarakat untuk diperturunkan kepada ahlinya.

Abdullah Mohd Nor dan Ahmad Jaffni Hassan (1992), menyatakan kurikulum boleh diertikan sebagai semua pengalaman pembelajaran yang diorganisasikan untuk pelajar pada setiap peringkat dalam institusi pendidikan.

Kurikulum sekolah berasaskan dua matlamat negara, iaitu perpaduan dan tenaga manusia. Sesuatu perubahan kurikulum membawa perubahan kepada tugas atau peranan guru. Perubahan itu memerlukan perubahan yang langsung kepada guru, sama ada dari segi tingkah laku dalam perhubungannya dengan murid-murid, ataupun perubahan stail mengajar atau penyampaianya di bilik darjah.

Daripada penjelasan yang diberikan oleh ahli-ahli perkembangan kurikulum itu, secara amnya mereka bersetuju bahawa definisi kurikulum adalah luas, iaitu meliputi semua proses pembelajaran baik yang berlaku di dalam atau di luar bilik darjah. Dengan ini, kegiatan di luar bilik darjah atau kegiatan kokurikulum turut dimasukkan dalam agenda sesebuah kurikulum.





c. Bahasa

Bahasa adalah milik manusia yang paling berharga dan inilah yang membezakan mereka dengan makhluk-makhluk lain. Manusia dapat berhubung, melahirkan pandangan, perasaan dan pendapat, menyampaikan ilmu dan mencipta keindahan melalui kesusasteraan dan menurunkan ilmu, kebudayaan, peradaban daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain melalui bahasa.

Bahasa merupakan suatu sistem lambang yang terdiri daripada leretan bunyi-bunyi yang diucapkan oleh alat-alat pertuturan atau alat artikulasi manusia yang terdiri daripada anak lidah, anak tekak, lelangit, bibir, gusi dan sebagainya.



d. Pendidikan Sebelum Merdeka

Pendidikan sebelum merdeka bermaksud pendidikan sebelum 31 Ogos 1957, iaitu tarikh kemerdekaan Tanah Melayu. Sistem pendidikan pada masa itu memperlihatkan sistem sekolah yang mengasing-asingkan pelbagai kaum dalam kurikulum yang berlainan. Bahasa Inggeris adalah bahasa yang digunakan semasa pemerintahan British. Sebelum kedatangan British (1400-1786) sistem pendidikan terbahagi kepada dua, iaitu pendidikan tidak formal seperti mengajar ilmu pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan aktiviti sosial dan ekonomi. Pendidikan formal hanya mengajar ilmu keagamaan di pondok atau madrasah oleh guru-guru agama.





Dalam tempoh penjajahan British (1786-1941) terdapat lima sistem pendidikan, iaitu Sekolah Pondok, Sekolah Vernakular Melayu, Sekolah Vernakular Cina, Sekolah Vernakular Tamil dan Sekolah Inggeris. Manakala penjajahan Jepun dari 13 Februari 1942 hingga 12 September 1945, iaitu selama 3 tahun 8 bulan menyaksikan pendidikan bercorak Jepun dijalankan.

1.9 Kesimpulan

Oleh itu, pendidikan sebelum merdeka digunakan bagi membentuk dasar awam dengan hasrat mencapai objektif sosial, politik dan juga ekonomi pihak-pihak yang tertentu. Semasa pemerintahan British, bahasa Inggeris ialah bahasa perhubungan yang penting. Peranan bahasa Melayu hanya sebagai bahasa yang lazim digunakan oleh masyarakat Melayu dalam perhubungan seharian pada zaman itu. Justeru, fungsi bahasa Melayu selepas merdeka diharap berupaya menjadi alat yang membentuk dan mengembangkan identiti kebangsaan, sebagai alat perhubungan dan alat perpaduan dalam masyarakat yang berbilang kaum dan pelbagai bahasa.

